

Headline **UPM raih anugerah pengurusan terbaik**  
Date **30. Apr 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **23**  
Section **Pendidikan** Article Size **107** cm2  
Circulation **217920** Frequency **Daily**  
Readership **2083000** Color **Full Color**



## UPM raih anugerah pengurusan terbaik

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) diiktiraf organisasi paling berjaya dalam pengurusan harta intelek apabila memenangi kategori Organisasi Anugerah Harta Intelek Negara 2008, sekali gus menerima hadiah wang tunai RM30,000, piala dan sijil.

Universiti penyelidikan itu dalam satu kenyataan, berkata UPM mendahului organisasi kerajaan dan swasta lain dalam kategori utama berkenaan apabila 16 produknya berjaya dikomersialkan, 14 lagi sudah mendapat sijil paten, manakala 134 masih dalam proses permohonan.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah menerima hadiah itu daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Abdul Samad pada majlis Anugerah Harta Intelek Negara 2008 anjuran kementerian itu serta Perbadanan Harta Intelek Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, baru-baru ini.

UPM turut mendapat kejayaan berganda apabila penyelidikannya, Prof Dr Raja Noor Zaliha Raja Abdul Rahman dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul memenangi tempat pertama kategori individu yang menawarkan hadiah wang tunai RM20,000, piala dan sijil.

Beliau memenangi anugerah itu menerusi penyelidikan *Lipase 205Y* iaitu kajian mengenai enzim untuk kegunaan industri termasuk pengeluaran sabun, kosmetik dan produk farmasitikal.

Seorang lagi penyelidik UPM, Prof Dr Suhaila Mohamed dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan pula memenangi tempat kedua menerusi hasil penyelidikannya iaitu penambah perisa rumpai laut, *Seasonex* dan menerima piala serta sijil.